

# **KUTKM terbit buku Liberalisasi Komuniti**

**Archival News | Utusan Malaysia | 15/01/2006**

MELAKA 14 Jan. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menerbitkan sebuah buku bertajuk Liberalisasi Komuniti dalam usaha untuk membantu meningkatkan kecemerlangan sosial dan pembangunan komuniti.

Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti dan disunting oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah KUTKM, Prof. Dr. Mohd. Taib Dora dan pensyarah di Pusat Perkhidmatan Akademik, Rahman Hashim.

Ia diterbitkan sempena dengan Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti yang dianjurkan oleh KUTKM bersama Institut Sosial Malaysia (ISM) pada Mei tahun lepas.

Menurut Mohd. Taib, penerbitan buku ini adalah sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kecemerlangan sosial dan pembangunan komuniti berikutan ledakan globalisasi yang melanda komuniti di negara ini dan masyarakat dunia.

"Ia berlaku tanpa mengenal batasan usia, bangsa, geopolitik, geoekonomi dan budaya. Oleh itu, bagi mengelakkan sebuah komuniti itu ditelan oleh gelombang tersebut perlulah ada persiapan rapi.

"Ini kerana pembangunan komuniti perlu ada dalam masyarakat bagi mencapai apa yang dikatakan sebagai kehidupan masa kini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, globalisasi sudah menampakkan kesan negatif terhadap ekonomi sesebuah negara dan ia mungkin lumpuh sepenuhnya jika tiada pelan tindakan dan persediaan kukuh dilakukan untuk menangani cabaran yang bakal dihadapi.

Beliau memberitahu, kandungan buku adalah hasil kertas kerja penceramah semasa konvensyen berkenaan.

Antara tajuk menarik ialah Faktor Keluarga Bermasalah di Malaysia dan Strategi Mengatasinya oleh Mohd. Taib; Pembangunan Sosioekonomi: Pendekatan Kerja Sosial dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Menangani Kemiskinan Ke Arah Kesejahteraan Hidup oleh Rusni A. Ghani.

Patriotisme: Peranan Masyarakat Malaysia oleh Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohd. Diah (KUTKM); Kepentingan Toleransi dan Perpaduan Dalam Masyarakat Majmuk oleh Zulkifli Husin (USM); Perpaduan Kaum dan Toleransi Agama di Malaysia oleh Ding Choo Ming (UKM).

Sokongan Mangsa dan Perkhidmatan Saksi dalam Sistem Keadilan Jenayah: Satu Perbandingan di Malaysia dan United Kingdom oleh Ong Chin Lan. Harga sebuah buku ialah RM30.00 dan boleh didapati daripada Penerbit Universiti, KUTKM di talian 06-2332162 / 2164.

(Source : Utusan Malaysia)